

# Siang kebun, malam burger

■ **Graduan UPM berjaya genggam ijazah  
cari sendiri duit tanpa susahkan keluarga**

Oleh Rosyahaida Abdullah  
dan Amni Ahmad  
am@hmetro.com.my  
**Serdang**

**P**ada saat rakan sekelas sedang berehat di bilik selepas seharian mengikuti kuliah, Muhammad Fahmi Md Razali, 24, memilih untuk berkebun di kampus diikuti menjual burger pada waktu malam.

Semuanya demi mencari duit poket antara RM8 hingga RMI6 sehari bagi menampung perbelanjaan harian sepanjang empat tahun bergelar mahasiswa jurusan sains pertanian di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Usaha anak ketiga daripada enam beradik ini bagaimanapun berbaloi apabila berjaya menamatkan pengajian tepat pada waktunya dalam Majlis Konvokesyen UPM Ke-38 di universiti itu di sini semalam, dengan purata nilai gred keseluruhan (CGPA) 3.62.



**NUR Sirah**

Menurut Fahmi, biasiswa yang diterima tidaklah sebanyak mana apatah lagi untuk menampung kehidupan di ibu kota yang agak mahal ditambah pula keperluan pembelajaran bukannya murah.

“Tak sampai hati untuk saya minta duit daripada keluarga kerana masih ada tiga adik yang sedang belajar yang ayah perlu sara.

“Memang ada yang pandang sinis apabila melihat saya pegang cangkul dan berkebun di sekitar kampus

namun saya sangat bersyukur kerana keluarga dan rakan terus beri semangat,” katanya.

Kesusahan Fahmi turut dirasai Nur Sirah Muhammad Tahir, 27, apabila dia juga pernah bekerja secara sambilan di stesen minyak dan keluar seawal jam 4 pagi semata-mata untuk mencari pendapatan sampingan.

Sirah kelihatan sebab mengenangkan kepayahannya belajar sambil bekerja demi memperbaiki keadaan keluarga.

“Ketika mula belajar, ayah dan ibu memang beri sokongan, namun mereka akui kesempitan wang. Saya jelaskan pada mereka, saya tak akan minta wang, tetapi izin dan doa yang saya perlukan.

“Alhamdulillah hari ini saya berjaya membuktikannya dan menggembirakan mereka (ibu bapa),” kata anak kepada pasangan pembantu penyelidik dan suri rumah itu.